

Cari jalan kreatif wujud persekitaran sekolah bebas rokok

Pada setiap 31 Mei, seluruh masyarakat antarabangsa menyambut 'Hari Dunia Tanpa Tembakau'. Negara anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencipta tema itu pada tahun 1987. Sambutan hari terbabit bertujuan memberi kesedaran serta didikan kepada seluruh masyarakat dunia mengenai bahayanya pada wabak ketagihan tembakau, penyakit dan kematian yang boleh berlaku akibat ketagihan terhadap penyalahgunaannya.

Matlamat kewujudan hari tanpa tembakau juga untuk mengurangkan kadar kematian sebanyak 3.5 juta setahun akibat daripada masalah kesihatan berkaitan isu ketagihan tembakau khususnya rokok.

Seluruh dunia termasuk rakyat Malaysia menghisap rokok. Umum mengetahui mengenai bahaya aktiviti ketagihan merokok terutama dari sudut kesihatan. Pelbagai usaha sudah dilakukan kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan bagi memberi pendedahan mengenai isu bahaya merokok. Antaranya melalui iklan bahaya rokok serta penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti larangan merokok.

Sehingga kini, 20 premis di negara ini dikenal pasti sebagai zon larangan merokok oleh kerajaan melalui peruntukan yang termaktub dalam Peraturan - Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 324). Antaranya, pusat hiburan, hospital, klinik, lif, tandas awam, tempat makan, kedai berhawa dingin, kenderaan awam, hentian pengangkutan awam dan mana-mana bangunan yang diwartakan di bawah peraturan 22.

Pada awal Mei lalu, pihak Kementerian Kesihatan juga merancang untuk meluaskan zon larangan merokok di beberapa kawasan lagi dalam negara kita seperti gerai dan kedai makan, restoran yang tidak mempunyai pendingin hawa, taman negara serta taman awam. Cadangan terbabit dibuat sejajar status Malaysia yang sudah menandatangani perjanjian Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC) di bawah WHO iaitu bertanggungjawab melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok.

Ambil mudah

Walaupun pelbagai usaha sudah dilakukan bagi membendung isu ketagihan merokok ini, masih ramai pihak mengambil mudah serta memandang ringan mengenai isu merokok ini. Tidak keterlaluan jika dikatakan, aktiviti merokok ini sudah seakan-akan menjadi budaya oleh pihak yang gemar merokok.

Lebih malang lagi, aktiviti merokok ini sudah mula menular dalam kalangan remaja bersekolah. Ini perkara yang tidak sihat kerana remaja terbabit terdedah kepada bahaya merokok daripada usia muda lagi.

Apatah lagi, ada remaja sudah be-

rani merokok di tempat awam tanpa segan-silu seperti pusat beli-belah, perhentian bas, kedai makan, sekolah dan taman rekreasi. Kebanyakan remaja merokok kerana tekanan yang dikatakan berpunca daripada bebanan tugasan sekolah, harapan tinggi ibu bapa, persediaan ke arah peperiksaan, kesuntukan masa, masalah kewangan, masalah keluarga dan percintaan.

Selain itu, wujud juga perasaan ingin tahu dan semangat ingin mencuba yang tinggi dalam diri remaja itu sendiri menyebabkan mereka mendekati rokok. Apatah lagi mereka mudah terpengaruh apabila diberitahu aktiviti merokok dapat memberi mereka ketenangan, keseronokan dan kepuasan. Perasaan daripada ingin cuba akhirnya bertukar menjadi ketagihan merokok apabila mereka berasa seronok. Pengaruh rakan sebaya juga boleh menjadi faktor pendorong yang mendorong seseorang remaja itu merokok.

Dedah bahaya merokok

Jika perkara ini tidak dibendung, nescaya jumlah remaja yang terbabit dengan aktiviti merokok ini akan meningkat dari semasa ke semasa. Justeru, aspek pendidikan perlu dititikberatkan bagi mendidik remaja menghindari aktiviti merokok. Ibarat melentur buluh biar dari rebung, Kementerian Pendidikan boleh bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi memberi pendedahan kepada remaja mengenai bahaya akibat merokok terhadap kesihatan mereka.

Sekolah juga perlu mencari jalan kreatif untuk mewujudkan persekitaran bebas pengaruh rokok. Sekolah juga boleh mengadakan bengkel, syarahan khas, atau sebarang aktiviti yang boleh memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai bahaya merokok. Tindakan tegas perlu diambil terhadap pelajar yang merokok. Sesi kaunseling boleh diberikan kepada pelajar yang terbabit dengan aktiviti merokok. Perjumpaan dengan ibu bapa atau penjaga perlu dilakukan bagi membincangkan masalah ketagihan merokok selain mencari jalan penyelesaian yang sesuai bagi membantu pelajar terbabit berhenti merokok.

Pihak media juga boleh memainkan peranan penting dengan memberi pendedahan sepanjang masa mengenai isu dan bahaya rokok. Masyarakat sekeliling juga perlu sentiasa peka mengenai isu terbabit.

Penjual rokok mesti mematuhi segala peraturan berkaitan penjualan rokok, terutama bagi golongan bawah umur.

Justeru, penguatkuasaan pihak yang berwajib hendaklah sentiasa dilakukan bagi menguatkuasakan peraturan yang wujud melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang - Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

rencana@gh.com.my